

# Perincian 18 seksyen Ordinan Darurat diwartakan

Pengisytiharan disiarkan dalam laman web rasmi Pejabat Peguam Negara

Oleh Iskandar Ibrahim dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 yang diwartakan pada Isnin lalu, memperuntukkan perlindungan ke atas kerajaan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang.

Ja antara 18 seksyen terkandung dalam ordinar berkenaan yang dimasyhurkan di Istana Abdula-ziz di Indera Mahkota, Kuantan, Pahang, kelmarin.

Pengisytiharan darurat bagi menangani ancaman COVID-19 yang berkuat kuasa sehingga 1 Ogos depan sudah diwartakan dan disiarkan di laman web rasmi Pejabat Peguam Negara.

Perincian ordinar berkenaan dikeluarkan selepas warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 12 Januari dikeluarkan oleh Perdana Menteri dengan titah perintah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan

Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Selasa lalu.

Lapan belas seksyen itu mem-babitkan tajuk ringkas dan per-mulaan kuat kuasa ordinar ber-kenaan; jawatankuasa khas bebas; kuasa untuk mengambil milikan sementara tanah, bangunan atau harta alih, selain permintaan bagi penggunaan sumber dan pampa-san.

Seksyen keenam adalah arahan untuk rawatan, imunisasi, penga-singan, pemerhatian atau penga-wasan, disusuli kuasa tambahan Angkatan Tentera Malaysia; kua-sa untuk mengecualikan; kesalah-an; dan perlindungan terhadap guaman serta prosiding un-dang-undang.

Kuasa eksekutif dan perunda-ngan diperincikan dalam Seksyen 11; diikuti pilihan raya Parlimen; pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN); persidangan Par-limen; Persidangan DUN; kuasa untuk membuat peraturan; kuasa di bawah ordinar adalah tamba-han kepada kuasa di bawah un-dang-undang bertulis lain serta yang terakhir, undang-undang yang mengatasi.

Mengikut Seksyen 10, tiada tin-dakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding lain boleh di-ambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap kerajaan.

"Perlindungan sama juga dipe-



runtukkan terhadap mana-mana pegawai awam atau mana-mana orang yang dilantik di bawah Sub-seksyen 6(1) berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan perun-tukan ordinar terbabit," mengi-kut ordinar itu.

Subseksyen 6(1) memperuntuk-kan, bagi tempoh darurat berkuat kuasa, Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana orang yang di-beri kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong boleh melantik, tertakluk kepada syarat yang ditentukan, mana-mana orang untuk menge-luarkan arahan untuk rawatan, imunisasi, pengasingan, pemer-hatian atau pengawasan di bawah perenggan 11(3)(a) dan (b) Akta Pencegahan dan Pengawasan Pe-nyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Ordinar sama juga menyena-raikan penubuhan jawatankuasa khas bebas dalam Seksyen 2 untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai kewujudan ber-terusan darurat besar yang men-gancam keselamatan, kehi-dupan ekonomi dan ketentera-man awam di dalam Persekutuan berikutan wabak penyakit ber-jangkit, iaitu penyakit Koronavi-rus 2019 (COVID-19).

"Anggota jawatankuasa khas be-bas berkenaan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong," me-nurut dokumen ordinar berkena-an.

Kuasa Yang di-Pertuan Agong juga diperincikan dalam Seksyen 16, yang memperuntukkan bagi tempoh darurat berkuat kuasa, baginda boleh membuat peratu-ran sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi maksud me-

laksanakan peruntukan ordinar terbabit.

Seksyen 17 memperuntukkan bagi tempoh darurat berkuat kua-sa, kuasa yang diberikan di bawah ordinar ini adalah tambahan ke-pada, dan bukan sebagai meng-gantikan kuasa yang diberikan oleh, atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa.

"Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselara-san antara peruntukan ordinar ini dengan mana-mana un-dang-undang bertulis lain, perun-tukan ordinar ini hendaklah me-ngatasi dan peruntukan un-dang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah disifatkan digantikan setakat percanggahan atau keti-dakselarasan itu," menurut do-kumen itu lagi.